



(39) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 42

19 Julai 2010

Ketua Pengarang,
Berita Harian

Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 5 / 9 Julai 2010
Muka Surat : 1 / 8
Subjek : Diberi CF Palsu / Kongsi Loji Kumbahan

Merujuk kepada perkara diatas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Berita Harian kerana mengketengahkan permasalahan ini.

Untuk pengetahuan pihak tuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara telah meneliti laporan tersebut dan membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan iaitu berkaitan kebimbangan lebih 1500 penduduk Pangsapuri Sri Aman, , Sek 22 terhadap tahap keselamatan keluarga masing-masing apabila mendakwa rumah yang diduduki sejak 2006 diberi CF palsu dan isu perkongsian loji kumbahan Pangsapuri Sri Aman dengan sebuah kondominium

berhampiran walaupun loji berkenaan tidak mampu menampung kapasiti bahan buangan berkenaan.

Merujuk kepada isu CF, penduduk mendakwa CF yang diberikan PBT pada 2003 dan 2006 adalah palsu kerana sijil dikeluarkan di tapak lain dan bukan di lot pangsapuri berkenaan. Hal ini menyebabkan penduduk menghadapi masalah dalam membuat tuntutan insurans apabila berlaku kebakaran dan kemalangan rumah mereka.

Berkaitan dengan isu loji kumbahan pula, pemaju iaitu Sri Aman Development Sdn. Bhd mendakwa telah mendapat perintah mahkamah dan persetujuan penduduk untuk kerja penyambungan sistem pembentungan dari kondominium tetapi penduduk meragui dakwa pemaju kerana lokasi projek adalah berlainan daripada arahan mahkamah serta penduduk bimbang berlaku limpahan sisa kumbahan serta.

Hasil semakan dan siasatan Jabatan Perumahan Negara mendapati isu-isu yang timbul ini adalah di bawah bidang kuasa PBT iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Sehubungan itu, aduan ini telah pun dipanjangkan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Maklum balas dari pihak MBPJ memaklumkan bahawa tidak timbul isu CF palsu pada bangunan Pangsapuri Sri Aman kerana CF telahpun dikeluarkan oleh MBPJ pada 2006. Selain itu, MBPJ

juga memaklumkan bahawa isu CF hanya timbul pada bangunan kondominium berhampiran dan beberapa isu lain seperti keretakan pada bangunan serta masalah pembinaan jalan masuk utama. Walau bagaimanapun, isu ini masih dalam tindakan dan pemantauan MBPJ.

Bagi isu loji kumbahan pula, maklumat awal daripada MBPJ memaklumkan bahawa mesyuarat bersama Jawatankuasa penduduk telah pun diadakan dan dihadiri oleh wakil daripada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

Maklumat lanjut daripada pihak MBPJ memaklumkan bahawa isu dianggap selesai kerana sistem loji kumbahan mendapat pengesahan dan kelulusan IWK Sdn. Bhd dan isu yang ditimbulkan penduduk hanyalah isu teknikal pada sistem pam kumbahan melibatkan pangsapuri Sri Aman sahaja. Sehubungan itu, kerja penyelenggaraan dan pemantauan system kumbahan telahpun dilaksanakan oleh MBPJ dan IWK.

**Dikeluarkan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**